




# BILL WIESE: 23 MINIT DI DALAM NERAKA



Diterjemahkan dari Bahasa Inggeris kepada Bahasa Malaysia

Ditranskripsikan dari Audio CD, BUKAN dari bukunya. Untuk ceritanya yang paling lengkap, tolong beli bukunya! Ini adalah dari satu konvensyen di Bandar Kansas yang dipanggil "Bandar Kansas untuk Amerika". Pengalaman di dalam Neraka berlaku pada 23hb November 1998.

## **(Pengenalan oleh juruhebah)**

Beberapa bulan yang lalu, Mike Bickle, yang saya bekerja bersama di Rumah Doa Antarabangsa (International House of Prayer), meminta saya mengajar tentang subjek Neraka. Ketika mengkaji subjek itu, saya dihulurkan satu pita rakaman oleh seorang kawan bernama Steve Carpenter. Di dalam pita rakaman itu adalah mesej oleh Bill Wiese dan isterinya, Annette yang kamu akan dengar. Mesejnya menggoncangkan dunia saya. Dan ia dengan kekal mengubah cara saya melibatkan diri dan cuba memahami keluarga saya, sahabat-sahabat saya, dan juga orang yang saya tidak kenali. Ia telah diubah dengan kekal. Saya bukan menokok tambah, jadi tolong jangan fikir saya bercakap secara berlebihan di sini. Ia telah mengubah secara kekal cara saya melihat pada baki beberapa tahun yang saya ada di bumi ini. Ia adalah doa saya yang Allah akan melakukan itu di dalam kamu hari ini. Saya tidak boleh menokok tambah betapa pentingnya mesej ini. Bill ialah seorang Kristian. Dia telah menyerahkan hidupnya kepada Kristus pada umur 16. Dia telah mengenali Tuhan untuk 32 tahun. Dia pindah ke California dalam 1976 dan menghabiskan 10 tahun di bawah ministri Pastor Chuck Smith di Costa Mesa, California. Bill ialah seorang ejen harta tanah, seperti juga isterinya. Untuk 15 tahun yang lalu, Bill berada di dalam jemaah dan dalam pimpinan semasa musim-musim berlainan Eagles Nest, di bawah pastor Dr Gary Greenwald, di sana di Orange County, California. Seorang pastor di sana di Eagles Nest bernama Pastor Raul datang kepada Bill dan berkata beberapa bulan yang lalu, *"Bill, Allah akan melakukan kerja kebangkitan semula. Dia akan bermula di Bandar Kansas untuk Amerika. Dia akan menghantar kamu ke sana, dan kamu haruslah pergi"*. Bill dan Annette belum pernah ke Bandar Kansas di dalam seluruh hidup mereka. Pada hari berikutnya, saya memanggil Bill dan berkata, *"Sudikah kamu mempertimbangkan untuk datang ke Bandar Kansas? Saya pernah melihat video kamu dan saya fikir kamu sepatutnya datang"*. Saya percaya mereka berada di sini di atas perintah Allah.

Kamu akan mendengar visi Neraka, tetapi bahkan lebih penting, kamu akan mendengar suatu visi hubungan rapat dengan Yesus Kristus dan kasih yang Dia ada untuk seluruh dunia ini. Bill berada di dalam Neraka. Dia bukan seorang pemerhati bersahaja, seperti begitu ramai orang telah menjadi di dalam visi-visi yang sah, tetapi dia mengalami seksaan-seksaan Neraka untuk lebih kurang setengah jam dengan sama sekali tiada harapan untuk selamanya terlepas. Bill dan isterinya adalah sangat setia secara mendalam terhadap Yesus Kristus, dan kepada kerja Allah, dan kepada pimpinan Roh Kudus. Kamu akan menyukainya juga. Sila alu-alukan Bill dan Annette Wiese.

***(Bill Wiese bercakap)***

Ia adalah satu penghormatan untuk berada di sini. Seluruh perjalanan ini telah menjadi satu berkat seumpama kepada kami. Seperti Hal berkata, kami adalah di dalam perniagaan harta tanah. Kami tidak melakukan ini untuk mata pencarian. Kami tidak melakukan ini untuk wang. Kami hanya tahu bahawa Allah telah memberitahu kami untuk pergi dan memberitahu dunia mengenai kasihNya untuk orang dan tempat yang Dia tidak mahu sesiapa daripada ciptaanNya pergi. Jadi itulah sebabnya kami di sini. Jadi, kerana masa, saya akan memendekkan kesaksian ini dan hanya terus ke dalamnya.

Tetapi lebih dahulu saya mahu memberi perhatian kepada beberapa perkara, soalan-soalan yang mungkin ada di dalam fikiran kamu. Soalan pertama yang akan ditanya adalah di dalam fikiran saya, jika saya mendengar diri saya, akan demikianlah, *“Bagaimana kamu tahu ia bukan hanya satu mimpi yang kamu ada? Satu mimpi buruk?”* Beberapa perkara yang perlu diterangkan, terlebih dahulu, saya telah meninggalkan tubuh saya. Saya nampak tubuh saya apabila saya kembali, terbaring di atas lantai. Jadi saya tahu dengan pastinya, ia adalah suatu pengalaman di luar tubuh. Beberapa orang Kristian telah berkata, *“Oh, seorang Kristian tidak boleh meninggalkan tubuhnya.”* Tetapi itu adalah tidak benar, di dalam 2 Korintus 12:2, apabila Paulus diangkat ke dalam syurga ketiga, dia berkata, *“sama ada di dalam tubuh, atau di luar tubuh saya tidak tahu.”* Jadi jika dia tidak tahu, itu mesti bermakna ia boleh jadi. Dan juga dia berkata di dalam ayat 1 bahawa ia adalah satu visi, jadi saya percaya ini termasuk di bawah klasifikasi satu visi.

Di dalam Ayub 7:14 ia berkata, *“engkau menakutkan saya dengan mimpi-mimpi dan menakutkan saya dengan visi-visi.”* Jadi ini adalah jelaslah apa yang Tuhan lakukan, menakutkan saya melalui satu visi. Jadi selepas balik dari ini, ia mengambil saya satu tahun untuk menjadi tenang, dan menjadi seperti seorang biasa lagi. Saya sungguh susah hati dan terganggu yang amat sangat dari ketakutan yang ia telah mengubah seluruh sudut pandangan saya tentang bagaimana untuk bersaksi dan betapa banyaknya untuk menghargai apa yang Allah selamatkan kita dari.

Saya meminta isteri saya untuk tampil ke atas untuk kira-kira seminit supaya dia boleh hanya berkongsi dengan kamu apa yang terjadi apabila dia menjumpai saya di ruang tamu, kerana saya tidak ingat bahagian itu. Jadi saya mahu dia mengucapkan beberapa patah perkataan. Terima kasih.

***(Isteri Bill, Annette bercakap)***

Ia adalah kira-kira 3:23 pada waktu pagi apabila saya bangun. Saya hanya ingat bahawa kerana saya melihat pada jam digital kami, dan saya perasan Bill tiada di sebelah saya, dan saya terdengar jeritan datang dari ruang tamu kami. Saya terus turun ke ruang depan. Saya menjumpai suami saya di dalam tingkah laku yang saya tidak pernah lihat sebelumnya. Jika sesiapa mengenali Bill, dia adalah seorang lelaki yang sangat konservatif dari segi sifat semulajadi, sangat tenang, dan profesional. Dia betul-betul bukan jenis yang menjadi terangsang (“excited”) atau menjadi sangat beremosi di atas apa-apa saja, kecuali ia adalah Allah kadangkala. Tetapi, walau bagaimanapun, saya nampak dia di sana amat terganggu, betul-betul amat terganggu memegang kepalanya, memegang kepalanya di antara tangan-tangannya dan berseru dengan kuat dan menjerit. Dia adalah di dalam satu kedudukan fetus

di atas lantai ruang tamu kami. Saya tidak tahu apa yang saya harus lakukan. Saya berfikir dia sedang mengalami suatu sakit jantung. Saya baru saja mula berdoa dan dia berseru dan berkata, *“Berdoalah supaya Tuhan akan mengeluarkan ini dari fikiran saya! Tuhan membawa saya ke Neraka. Saya rasa seperti tubuh saya sedang mati, saya tidak dapat mengawal ini.”* Jadi saya terus berdoa untuknya, dan kira-kira sepuluh hingga dua puluh minit, dia mula bertenang. Dia betul-betul di dalam suatu keadaan terganggu yang amat sangat, seperti seseorang yang pergi ke Vietnam dan mengalami kejadian berulang, atau satu kemalangan kereta yang dahsyat di mana mereka mengenangkannya kembali. Ia bukan saja seseorang yang mempunyai satu mimpi buruk dan terbangun. Jadi saya hanya mahu mempersaksikan mengenai itu.

***(Bill Wiese bercakap)***

Saya sungguh diberkat dengan seorang wanita yang baik. Saya benar-benar berterima kasih kepada Allah. Saya telah berkahwin untuk empat tahun, dan sudah mengenali dia untuk enam tahun, dan ia adalah enam tahun yang paling baik dalam hidup saya, saya mengakui, jadi pujilah Allah.

Saya mahu mendapat tahu apabila balik dari pengalaman ini, jika ada sesiapa di dalam Alkitab yang pernah mengalami Neraka. Jadi saya memulakan penyelidikan. Saya banyak mendengar Chuck Missler. Dia adalah seorang guru Alkitab di serata negara, betul-betul seorang cendekiawan, dan dia telah berkata bahawa Yunus telah mengalami Neraka. Di Yunus 2:2 ia berkata, *“di dalam Neraka dia berseru.”* Dan di dalam Yunus 2:6 ia berkata, *“bumi dengan palang-palangnya di sekeliling saya selama-lamanya, namun Engkau telah membawa ke atas hidup saya dari kereputmusnahan (“corruption”).”* Jadi, sekurang-kurangnya ada seseorang di dalam Alkitab yang mengalami Neraka, Yunus.

Saya juga mahu mendapat tahu, kerana saya telah dididik semasa hari-hari awal Gereja Kecil Kalvari, bahawa mana-mana pengalaman rohani yang kamu akan lalui sudah ada di dalam Firman Allah. Jadi saya tahu bahawa jika apa yang saya alami adalah betul, ia sudah ada di sana di dalam firman-firman. Jadi saya memulakan penyelidikan dan saya menjumpai lebih daripada 400 ayat Alkitab yang menggambarkan segala-galanya yang saya nampak, dengar, rasa, semuanya yang ada kena-mengena dengan Neraka. Ia sudah ada di dalam Alkitab, jadi apa saja yang saya beritahu kamu, ia sudah ada di sana. Saya akan membuat rujukan kepada beberapa ayat Alkitab sambil kita meneruskan. Saya tidak boleh menyebut semua 400, tetapi saya akan lakukan untuk sesetengah daripadanya. Saya juga mendapat tahu ada kira-kira 14 orang lain yang pernah mengalami sebahagian daripada Neraka. Kebanyakan daripada mereka adalah pengalaman dekat ajal, orang di dalam hospital sedang mati dan hidup balik.

Jadi balik terus ke dalam cerita ini, dengan cepat: Isteri saya dan saya berada di sidang doa jemaat pada hari Ahad malam yang kami selalu hadiri bersama pastor-pastor kami. Dan kami balik rumah seperti mana-mana malam biasa yang lain dan masuk tidur. Kira-kira 3 pagi, saya diambil. Saya tidak tahu bagaimana saya sampai ke sana sehinggalah saya balik. Kemudian Tuhan menerangkan. Tetapi saya hanya dijatuhkan ke dalam sebuah bilik penjara, betul-betul seperti sebuah bilik penjara biasa, seperti kamu bayangkan, dengan dinding batu yang kasar dan sangat besar dan palang-palang di atas pintu. Saya masih tidak tahu di mana saya berada. Apa yang saya tahu bahawa ia adalah amat panas, betul-betul panas. Ia sungguh panas, saya tidak dapat percaya, yang saya masih hidup. Saya rasa seperti saya sepatutnya

hancur berkecai dengan bahang ini, tetapi saya masih hidup. Ia adalah bercahaya di dalam bilik untuk sementara, dan saya percaya yang kehadiran Tuhan ada di sana untuk saya melihat pemandangan dengan lebih baik, tetapi kemudian ia menjadi gelap selepas kira-kira seminit.

Di dalam Yesaya 24:22, ia berkata: *“Dan mereka akan berkumpul bersama, seperti orang tahanan dikumpulkan di dalam lubang, dan akan dikurung di dalam penjara...”*

Amsal 7:27 *“mereka akan turun ke Neraka di dalam ruang-ruang maut.”*

“Ruang-ruang” bermaksud bilik-bilik. Jadi bahagian Neraka ada bilik-bilik penjara, ruang-ruang, lubang-lubang api, dan kawasan-kawasan api yang besar, jadi saya hanya berada di dalam sebuah bilik penjara pada masa ini.

Juga di dalam Yunus 2:6, *“bumi dengan palang-palangnya di sekeliling saya untuk selamalamanya...”*

Dan Ayub 17:16, *“Mereka akan turun ke palang-palang lubang...”*

Jadi sekali lagi, semua yang saya nampak ada di dalam Firman. Batu-batu yang dipercakapkan ada di dalam Yesaya 14:19.

Saya mendapati diri saya di dalam bilik penjara, dan 4 makhluk ada di dalam bilik penjara bersama saya. Saya tidak tahu mereka adalah setan-setan pada masa itu, kerana saya pergi ke sana sebagai seorang yang belum diselamatkan. Allah mengambil keluar daripada fikiran saya bahawa saya adalah seorang Kristian. Saya tidak memahami kenapa, tetapi Dia menerangkannya kepada saya dalam perjalanan balik. Makhluk-makhluk ini, saya tidak sedar bahawa mereka adalah setan-setan, tetapi mereka adalah sangat besar. Mereka adalah kira-kira 12 atau 13 kaki tinggi, satu yang kamu akan lihat di dalam video. Salah satu daripada orang yang memberikan kesaksiannya, dia nampak setan yang sama yang saya nampak. Jadi kamu akan melihat apa rupa sebenar satu setan. Ada satu gambar yang betul-betul bagus mengenainya di dalam video di mana seorang lelaki diheret ke palang-palang Neraka. Ia adalah kesaksian Kenneth Hagan.

Walau bagaimanapun, ia adalah keseluruhannya bersisik. Ini satu mempunyai sisik-sisik di seluruh badannya, mulut gergasi dengan gigi yang sangat besar, dan kuku-kuku yang terjulur keluar, bersama dengan mata cengkung. Semua ini betul-betul sangat besar. Dan yang satu lagi langsung tidak kelihatan seperti ini, tetapi ia mempunyai sirip-sirip yang sangat tajam dengan satu lengan panjang dan kaki-kaki yang tidak seimbang. Semuanya cacat dan berbelit dan tidak seimbang, tidak simetri, tiada simetri, satu tangan lebih panjang dan satu lebih pendek dan hanyalah makhluk-makhluk yang kelihatan pelik, mengerikan, makhluk-makhluk yang kelihatan mengerikan.

Dan mereka menghujat Allah. Seluruh masa mereka mencaci Allah. Saya tertanya-tanya, *“Kenapa mereka mencaci Allah? Kenapa mereka sangat membenci Allah?”* Dan kemudian mereka mengalihkan perhatian mereka kepada saya, dan saya merasakan kebencian yang sama yang mereka ada untuk Allah, mereka juga ada untuk saya, dan sekali lagi saya berfikir: *“Kenapa mereka membencikan saya?” Saya tidak berbuat apa-apa kepada mereka.”* Tetapi

mereka membencikan saya dengan suatu kebencian yang saya tidak pernah alami di bumi; jauh melebihi apa keupayaan manusia untuk membenci. Mereka sama sekali membencikan saya, dan saya tahu mereka ditugaskan untuk menyeksa saya.

Ada perkara-perkara yang saya akan katakan, bahawa saya tidak tahu bagaimana saya tahu. Di dalam Neraka, deria-deria kamu adalah lebih tajam, kamu hanya lebih menyedarinya daripada tubuh-tubuh fizikal kita. Saya menyedari jarak-jarak, saya menyedari masa, dan sebagainya, lebih daripada kamu berada di sini. Saya mengetahui makhluk-makhluk ini ditugaskan kepada saya, untuk menyeksa saya selama-lamanya di dalam tempat ini.

Saya terbaring di atas lantai di dalam bilik penjara ini dan saya langsung tiada kekuatan di dalam tubuh saya. Saya tertanya-tanya, *“Kenapa saya dengan susah payah bergerak, apa yang tidak kena dengan saya?”* Saya hanya menyedari tiada kekuatan, dan saya terbaring tidak berdaya di sana. Satu setan cuma menangkap saya dan mengangkat saya, dan menghumban saya ke dinding seperti satu gelas. Dia hanya mengangkat saya seperti satu gelas. Itulah bagaimana ringan saya, atau bagaimana kuatnya dia. Dan menghumban saya ke dinding, dan setiap tulang di dalam tubuh saya patah sahaja. Dan saya merasakan kesakitan! Saya hanya mula terbaring di atas lantai di sana, menyeru belas kasihan, tetapi makhluk-makhluk ini tidak ada sebarang belas kasihan, langsung tiada belas kasihan.

Satu mengangkat saya, dan satu lagi, dengan kuku-kukunya yang sangat tajam; dia betul-betul terus mencarik daging saya. Dia betul-betul mengoyakkannya, dan langsung tidak mengambil peduli apa pun untuk tubuh ini yang Allah cipta dengan begitu hebat. Ia ada satu kebencian yang begitu amat sangat terhadap saya. Saya tertanya-tanya, *“Kenapa saya hidup, kenapa saya hidup melalui ini?”* Saya tidak memahami kenapa saya tidak mati.” Daging saya hanya tergantung di sana di dalam keadaan reben-reben. Dan tiada darah, hanya daging tergantung, kerana kehidupan ada di dalam darah, dan tiada kehidupan di Neraka. Dan tiada air di dalam Neraka.



Di dalam Yesaya 14:9-10, ia berkata

*Neraka dari bawah digerakkan untuk kamu untuk menemui kamu pada kedatangan kamu; ia menggerakkan yang mati untuk kamu, bahkan semua ketua bumi; ia telah membangkitkan semua raja negara dari takhta-takhta mereka. Semua mereka akan bercakap dan berkata kepada kamu, Adakah kamu juga menjadi lemah seperti kami? Adakah kamu menjadi seperti kami?*

Mazmur 88:4

*Saya dikira bersama mereka yang turun ke dalam lubang; Saya adalah seperti seorang yang tiada tenaga,*

Dan kita tahu bahawa syaitan ada kekuatan, di dalam ayat-ayat Alkitab ada seorang lelaki-setan berlari melalui kawasan perkuburan, ia berkata:

## Markus 5:1-4

*Kemudian mereka tiba di seberang laut, di daerah Gerasa. Dan apabila Dia keluar dari perahu, dengan serta-merta seorang lelaki yang dirasuk roh cemar, yang tempat tinggalnya di antara kubur-kubur; dan tidak ada orang yang dapat mengikatnya, biarpun dengan rantai-rantai, kerana dia kerap diikat dengan belunggu-belunggu dan rantai-rantai. Dan rantai-rantai telah diputuskannya dan belunggu-belunggu dihancurkan; dan tiada sesiapa yang dapat mengawalinya.*

Mereka tidak dapat mengikatnya; dia telah menghancurkan rantai-rantai. Dan itu hanya seorang lelaki dengan kekuatan setan. Saya memahami setan-setan ini mempunyai kira-kira 1000 kali kekuatan seorang lelaki. Jadi biarpun saya ada kekuatan semulajadi, saya tidak dapat melawan mereka bagaimanapun. Jadi saya sama sekali berada di bawah belas kasihan mereka, di mana mereka tidak ada sebarang belas kasihan. Setan-setan menguruskan hidup kamu di dalam Neraka.

Bau setan-setan ini dan bau di dalam Neraka adalah sangat teruk; saya tidak dapat pun menggambarkannya kepada kamu. Ada suatu bau daging membakar, daripada belerang. Bau setan-setan ini seperti suatu saluran najis terbuka, reput dan busuk, daging reput, telur-telur rosak, susu masam dan segala-galanya yang kamu boleh bayangkan. Ambilnya, darab 1000, dan letaknya ke hidung kamu. Dan kamu hanya menarik nafas. It sungguh beracun, yang ia akan membunuh kamu, jika kamu berada di sini di dalam tubuh ini, kamu akan mati. Dan saya tertanya-tanya, *“Kenapa saya hidup melalui bau ini, ia sungguh teruk?”* Tetapi lagipun kamu tidak mati, kamu harus menahannya.

Kata-kata cabul, yang mereka mencaci terhadap Allah disebut di dalam Yehezkiel 22:26 *“Saya dicaci di kalangan mereka.”*

*Paderi-paderi mereka telah melanggar hukum Saya dan mencabuli barang-barang kudus Saya; mereka tidak dapat membezakan di antara yang kudus dan tidak kudus, atau mereka memberitahu perbezaan di antara yang tidak bersih dan yang bersih; dan mereka telah menyembunyikan mata mereka dari Sabat-Sabat Saya, agar saya dicabul di kalangan mereka.*

Bahasa hina dan biadab, mencabuli dan hujat-hujat.

Penyiksaan yang mereka lakukan pada saya disebut di dalam Ulangan 32: 22-24.

*Oleh kerana satu api dinyalakan di dalam kemurkaan Saya, dan akan membakar ke bahagian Neraka yang paling bawah; ia akan menjilat bumi dengan hasilnya, dan menyalakan asas-asas gunung-ganang. Saya akan menimbun malapetaka-malapetaka ke atas mereka; Saya akan menghabiskan anak panah-anak panah ke atas mereka. Mereka akan menjadi lemah kerana kelaparan, dilahap oleh wabak dan kemusnahan yang getir; Saya akan juga menghantar gigi-gigi binatang melawan mereka, dengan racun ular-ular debu.*

Jadi ada gigi binatang-binatang di atas kamu.

2 Samuel 22: 6 mengatakan:

*Kesedihan-kesedihan Neraka mengelilingi saya; jerat-jerat maut menghalang saya;*

Dan di dalam Mika 3:2 ada suatu ayat Alkitab yang menarik di mana orang Filistin, yang membencikan orang Israel berkata:

*Kamu yang benci kebaikan dan mengasihi kejahatan; yang menanggalkan kulit daripada umat Saya, dan daging daripada tulang-tulang mereka;*

Itu yang mereka lakukan kepada orang Yahudi. Itu adalah di alam semulajadi, tetapi dari manakah mereka dapatkan idea itu? Itu datang dari Neraka. Itulah apa yang setan-setan lakukan, dan belas kasihan? Hanya belas kasihan ada di dalam Syurga. Belas kasihan datang daripada Allah, dan syaitan tiada pengetahuan sebarang apa pun tentang belas kasihan, dia sama sekali menentang itu. Mazmur 36:5

*“Belas kasihanMu, O Tuhan, adalah di dalam syurga-syurga; kesetiaanMu mencapai ke awan-awan.”*

Ia benar-benar bukan di dalam Neraka. Dan di dalam Mazmur 74:20 ia berkata:

*Haruslah ada hormat kepada perjanjian; Kerana tempat-tempat gelap bumi adalah penuh dengan tempat-tempat kekejaman yang sering dikunjungi.*

Ia adalah hanyalah satu tempat yang kejam, masyghul dan mengerikan yang kamu haruslah tahan. Kamu haruslah menahan semua perkara-perkara ini.

Allah telah mencipta manusia sebagai bentuk ciptaan yang tertinggi, dan setan-setan ini adalah bentuk ciptaan yang paling rendah. Sebagai manusia, kita bekerja keras untuk maju di dalam kehidupan, kita memperbaiki diri sendiri, kita belajar. Tetapi di dalam Neraka, hidup kamu adalah diuruskan oleh setan-setan. Makhluk-makhluk ini mempunyai satu IQ kosong, makhluk-makhluk yang sepenuhnya jahil. Apa yang mereka tahu ialah kebencian untuk Allah, kebencian untuk kamu dan penyeksaan. Dan mereka menguruskan hidup kamu, dan kamu tidak boleh berbuat apa-apa tentangnya.

Ada ayat-ayat Alkitab tentang penghinaan yang kamu harus tahan. *“Benda ini akan menguruskan hidup saya, saya tidak dapat menghentikannya!”* Di dalam Yesaya 5:14-15

*Kerana itu umat Saya telah pergi ke dalam pembuangan, kerana mereka tiada pengetahuan; orang terhormat mereka adalah sangat lapar, dan khalayak ramai mereka menjadi kering dengan kehausan. Kerana itu kubur memperbesarkan selernya dan membuka mulutnya tanpa had; ke dalamnya akan turun bangsawan-bangsawannya dan orang kebanyakannya dengan semua orang berkelahi dan orang berpesta. Jadi orang akan dibawa turun dan manusia direndahkan diri, mata orang angkuh direndahkan diri.*

Yesaya 57:9-16

*Kamu pergi ke Molech dengan minyak zaitun dan menambahkan minyak-minyak wangi kamu. Kamu menghantar duta-duta ke tempat jauh; kamu turun ke kubur! Kamu diletihkan oleh semua jalan kamu, tetapi kamu tidak akan mengatakan, ‘Ia adalah tidak ada harapan lagi’. Kamu menemui pembaharuan kekuatan kamu, dan jadi kami tidak pengsan. “Siapa yang kamu sungguh takuti bahawa kamu telah menjadi palsu kepada saya, dan tidak memperingati saya atau merenungkan ini di dalam hati-hati kamu? Adakah ia bukan kerana Saya telah lama membisu yang kamu tidak takutkan Saya? Saya akan mendedahkan kemuhsinan (“righteousness”) dan kerja-kerja kamu, dan mereka tidak akan memanfaatkan kamu. Apabila kamu menyeru untuk pertolongan, biarlah koleksi berhala-berhala menyelamatkan kamu! Angin akan membawa pergi mereka semua, hanya satu*

*nafas akan meniupkan mereka pergi. Tetapi orang yang menjadikan Saya tempat perlindungannya akan mewarisi tanah dan memiliki gunung kudus Saya.” Dan ia akan dikatakan: “Kukuhkanlah, kukuhkanlah, sediakan jalan tersebut! Alihkanlah rintangan-rintangan dari jalan umat Saya.” Kerana ini adalah apa yang maha tinggi berfirman- Dia yang hidup selama-lamanya, yang namanya adalah kudus: “Saya tinggal di satu tempat yang tinggi dan kudus, tetapi juga dengannya yang penuh sesal dan rendah diri di dalam roh, membangkitkan semula roh yang rendah diri dan membangkitkan semula hati orang yang penuh sesal. Saya tidak akan menuduh selama-lamanya, atau akan Saya selalu marah, kerana kemudian roh manusia akan menjadi lemah di depan Saya- nafas manusia yang Saya telah ciptakan.*

#### Yehezkiel 32: 24

*Ada Elam dan semua khalayak ramainya, semua di sekeliling kuburnya, semua mereka dibunuh, dijatuhkan oleh pedang, mereka yang telah turun tanpa disunat ke bahagian-bahagian bawah bumi, mereka yang menyebabkan ketakutan yang amat sangat di tanah orang hidup; Sekarang mereka menanggung malu mereka dengan semua yang turun ke dalam Lubang.*

Berterusan dan berterusan. Itu adalah satu perkara yang dahsyat, mendapati hidup kami diuruskan oleh makhluk-makhluk ini, yang langsung tiada belas kasihan untuk kamu.

#### ***(Kegelapan dan jeritan di dalam Neraka)***

Saya terbaring di dalam bilik penjara dan ia menjadi gelap, gelap-gelita. Saya maksudkan suatu kegelapan yang saya tidak pernah rasai sebelumnya. Dan saya sudah ke bawah ke dalam gua-gua, jauh ke dalam lombong-lombong besi di Arizona. Ada suatu kehitaman yang kamu tidak boleh pun bayangkan. Saya berjaya merangkak keluar, entah kenapa saya mampu merangkak dan mereka rupa-rupanya membiarkan saya. Saya ingat di mana pintu tersebut, jadi saya merangkak ke arahnya dan saya meraba-raba mencari jalan keluar, dan saya dapat keluar dari bilik penjara tersebut. Saya melihat ke satu arah, semua hitam, and saya hanya terdengar jeritan-jeritan, bilion-bilion orang menjerit di dalam tempat ini. Saya tahu ada bilion-bilion, dan ia sungguh kuat. Jika kamu pernah mendengar seseorang menjerit sebelumnya, ia adalah sungguh menyakitkan hati. Baiklah jika kamu mendengar bilion-bilion orang menjerit, kamu tidak dapat bayangkan bagaimana ia mempengaruhi fikiran kamu. Kamu betul-betul tidak dapat menahannya. Kamu menutup telinga-telinga kamu kerana ia sungguh kuat dan tajam. Kamu tidak dapat melepaskan diri dari jeritan-jeritan tersebut.

Dan ketakutan yang mengatasi kamu adalah sukar dipercayai. Semuanya dikuasai oleh ketakutan. Tiada kehadiran Allah di dalam tempat ini, jadi kamu haruslah menahan ketakutan tersebut dan penyeksaan dan kehitaman. Kamu tidak dapat melihat apa-apa pun. Kamu tidak dapat pun melihat apa yang datang melawan kamu. Ayat alkitab bercakap tentang kegelapan ini di dalam Mazmur 88:6

*Kamu telah meletakkan saya di lubang yang paling bawah, di dalam kegelapan, di bahagian-bahagian yang paling dalam.*

#### Wahyu 16:10

*Kemudian malaikat kelima menuangkan mangkuknya ke atas takhta binatang tersebut, dan kerajaannya menjadi penuh dengan kegelapan; dan mereka menggigit lidah-lidah mereka kerana kesakitan.*

## Yudas 1:13

*Ombak-ombak laut yang bergelora, membuihkan keaiban mereka sendiri; bintang-bintang yang mengembara, untuk mereka tersimpan kegelapan yang hitam buat selama-lamanya.*

Dan ada suatu kegelapan yang boleh dirasakan, seperti yang ditunjukkan di dalam Keluaran 10:21

*Kemudian TUHAN berfirman kepada Musa, “Hulurkan tangan kamu ke langit supaya kegelapan akan merebak ke seluruh Mesir- kegelapan yang boleh dirasai.”*

Kamu boleh merasakan kegelapan ini.

### ***(Ketakutan di dalam Neraka)***

Ketakutan, saya mesti beritahu kamu, adalah sungguh kuat. Ia menggenggam kamu. Jika kamu pernah melihat beberapa wayang yang menakutkan, di mana ketakutan melompat di dalam kerongkong kamu, jika kamu dapat menahan itu dan menggandakannya sekurang-kurangnya seribu kali, dan menahannya di sana, itu adalah bagaimana kamu akan berada sepanjang masa! Dan saya tahu sesuatu tentang ketakutan. Apabila saya masih muda, saya dulunya meluncur ombak. Apabila saya betul-betul muda, kami berada di Coco Florida meluncur ombak dan ada sekumpulan ikan-ikan jerung datang mengelilingi saya. Dan seekor 9 kaki panjang ikan jerung Harimau datang dan menggigit papan luncur saya menjadi separuh. Dan ia menyambar saya pada kaki dan menarik saya ke bawah. Jadi kaki saya ada di dalam mulut ikan jerung raksasa ini. Saya bukan seorang Kristian pada masa itu; ia adalah sebelum saya diselamatkan. Dan dengan tiba-tiba, ia melepaskan saya. Saya tahu Allah membuka mulut ikan jerung itu. Tetapi untuk beberapa ketika, ketakutan yang datang ke dalam kamu adalah sama sekali sangat kuat. Jika sesiapa pernah melihat wayang “JAWS”, ketakutan itu tidak ada apa-apa jika dibandingkan dengan betul-betul melaluinya. Ketakutan tersebut adalah amat menggerunkan. Lelaki di sebelah saya hanya beberapa kaki jauh, dan seekor ikan jerung mengoyakkan kakinya! Dan mereka menariknya ke atas pantai, dengan darah di merata-rata. Dia sedang menjerit dan tiada kaki. Jadi saya memahami ketakutan, tetapi ketakutan itu tidak ada apa-apa, sama sekali tidak ada apa-apa jika dibandingkan kepada ketakutan yang saya rasai di dalam Neraka, tiada bandingan sama sekali. Saya fikir ketakutan yang saya rasai dari serangan ikan jerung adalah salah satu daripada ketakutan yang paling besar yang kita boleh alami di bumi.

Jadi ada beberapa perkara yang kita harus tahan di dalam Neraka. Di dalam Yesaya 24:17 ia berkata:

*Ketakutan dan lubang tersebut dan jerat ada pada kamu, Oh penghuni bumi. Dan ia akan berlaku bahawa dia yang melarikan dari bunyi ketakutan akan jatuh ke dalam lubang tersebut, dan dia yang keluar dari tengah-tengah lubang akan ditangkap di dalam jerat tersebut; kerana tingkap-tingkap dari atas adalah terbuka, dan asas-asas bumi digoncangkan.*

Ted Koppel, semasa satu ucapan yang dia buat pada “Night Line” satu setengah tahun lalu, melawat beberapa penjara di dalam negara kami dan menginap semalam di sana. Dia tidak boleh percaya bagaiman kuatnya, bahawa dia tidak dapat tidur, semua orang menjerit dengan sekuat-kuatnya dari paru-paru mereka. Dia berkata di dalam TV bahawa dia terperanjat oleh

bagaimana orang hanya menjerit dan merengek sepanjang malam. Jadi bahkan di dalam penjara-penjara duniawi kami, orang menjerit, betapa lebih lagi di dalam Neraka. Di dalam Ayub 18:14 ia berkata bahawa jalan-jalan jahat seseorang, seorang yang menolak Tuhan...

*Dia ditarik dari keselamatan khemahnya dan diheret ke raja segala kegerunan.*

Syaitan pasti adalah Raja segala kegerunan.

### **(Lengang di dalam Neraka)**

Saya sekarang berada di luar bilik penjara dan saya melihat ke arah ini dan sambil saya melihat jalan ini, saya boleh melihat ada lidah-lidah api, kira-kira 10 batu jauh daripada saya. Saya tahu ia adalah 10 batu. Dan satu lubang api, kira-kira 3 batu lebarnya, ada lidah-lidah api yang menerangi kaki langit, cukup untuk melihat landskap Neraka sedikit sahaja.

Kegelapan adalah sungguh berat; ia betul-betul menelan apa saja cahaya. Tetapi adalah cukup untuk hanya melihat sedikit daripada kaki langit. Ia adalah semua coklat dan lengang! Saya bermaksud sama sekali tidak ada satu daun hijau, tidak ada apa-apa kehidupan di dalam bentuk apa pun, hanya batu, kotoran dan langit hitam, dan asbut di dalam jendela langit. Lidah-lidah api benar-benar tinggi, jadi saya boleh melihatnya. Ada satu ayat alkitab di dalam Ulangan 29:23

*Seluruh tanah adalah belerang, garam, dan membakar; ia tidak disemai, juga tidak ia berbuah, juga tidak ada rumput apa sahaja yang tumbuh di sana, seperti penggulingan Sodom dan Gomora, Admah, dan Zeboim, yang mana Tuhan telah gulingkan dalam kemarahanNya dan kemurkaanNya.*

Tiada kehidupan sama sekali di dalam Neraka. Ia adalah sungguh aneh berada di dalam satu dunia di mana tiada kehidupan. Di sini kita menikmati pokok-pokok dan udara segar, tetapi di sana ia adalah sama sekali semuanya mati.

### **(Bahang)**

Bahang tersebut adalah sungguh kuat, kamu dapat pun menggambarkannya. Ia berkata di dalam Ulangan 32:24

*Mereka akan dibakar dengan kelaparan, dan dilahap dengan bahang membakar, dan dengan kemusnahan yang getir; Saya akan juga menghantar gigi-gigi binatang ke atas mereka, dengan racun ular-ular debu.*

### Judas 7

*Seperti Sodom dan Gomora, dan bandar-bandar di sekeliling mereka yang menurut gaya yang sama dengan ini, menyerahkan diri mereka kepada seksual tidak bermoral dan pergi mengejar daging aneh, dikemukakan sebagai contoh, menanggung dendaman api kekal.*

### Mazmur 11:6

*Ke atas orang jahat Dia akan menghujani arang batu-arang batu; Api dan belerang dan satu angin membakar akan menjadi bahagian gelas mereka.*

Itulah apa yang berlaku di dalam Neraka, ia adalah sungguh panas. Semua perkara ini pasti membunuh kamu, tetapi kamu tidak dapat mati! Kamu terpaksa terus menahan semua

perkara ini. Saya mahukan ketenteraman fikiran, menjauhkan dari jeritan-jeritan dan keluar dari sana. Ia seperti apabila kamu mahu balik rumah pada waktu malam, apabila kamu ada hari yang susah, kamu cuma mahukan ketenteraman fikiran. Tetapi di sana kamu menahan semua jeritan dan semua seksaan. Dan kamu sama sekali tidak akan dapat melarikan diri, selamanya. Di dalam Yesaya 57:21 ia berkata:

*“Tiada kedamaian,” Allah saya berfirman, “untuk orang yang jahat.”*

Kamu juga telanjang di dalam Neraka. Ia adalah cuma satu lagi perkara yang harus ditahan. Keaiban! Di dalam Yehezkiel 32: 24 ia bercakap tentang keaiban di dalam lubang.

*Ada Elam dan semua khalayak ramainya, semua di sekeliling kuburnya, semua mereka dibunuh, dijatuhkan oleh pedang, mereka yang telah turun tanpa disunat ke bahagian-bahagian bawah bumi, mereka yang menyebabkan ketakutan yang amat sangat di tanah orang hidup; Sekarang mereka menanggung malu mereka dengan semua yang turun ke dalam Lubang.*

Dan di dalam Ayub 26:6

*Alam maut (“Sheol”) adalah telanjang di depanNya, dan Kemusnahan tiada penutup.*

Itu bermakna Allah boleh melihat ke dalam Neraka, jadi ia adalah diperhatikan untukNya. Tetapi kamu juga telanjang di dalam Neraka, cuma satu lagi perkara yang kamu harus lalui.

### **(Kering)**

Tiada air di dalam Neraka, sama sekali, tiada air. Tiada kelembapan di udara dan tiada air daripada apa pun bentuk. Ia sungguh kering; kamu terdesak untuk setitik air, hanya satu. Hanya seperti ayat alkitab berkata di dalam Lukas 16:23-24,

*Dan dalam keseksaan di dalam Hades, dia mengangkat matanya dan nampak Abraham dari jauh, dan Lazarus di dalam pangkuannya. Kemudian dia berseru dan berkata, “Bapa Abraham, berbelas kasihanlah saya dan hantarlah Lazarus supaya dia boleh mencelup hujung jarinya ke dalam air dan mendinginkan lidah saya; kerana saya terseksa di dalam nyalaan api ini.”*

Abraham berkata, *“Ingatlah Anak”*, dan kemudian dia terus bercakap tentang saudara-saudaranya. Dia mahukannya hanya mencelup hujung jarinya ke dalam air, hanya untuk mendapatkan setitik. Itu pastilah berharga, setitik, tetapi kamu tidak akan, selamanya dapat setitik. Ia adalah sukar membayangkan bagaimana keringnya mulut kamu. Jika kamu boleh membayangkan berlari perlumbaan jarak jauh melalui Lembah Maut dan mempunyai kapas di dalam mulut kamu dan kekal di sana untuk berhari-hari, dan ia hanya berterusan seperti itu, hanya kering, sama sekali, terdesak untuk setitik air.

Satu lagi perkara ayat alkitab yang dedahkan kepada saya adalah kami tahu di sana ada jurang yang sangat besar yang ditetapkan di antara mereka, di dalam Neraka; di antara Firdaus (“Paradise”) dan Alam Roh (“Hades”). Dan orang kaya tersebut nampak Abraham dari jauh. Di dalam alam semulajadi, bagaimana dia boleh mengenali Lazarus dan Abraham? Pertama, dia tidak pernah bertemu dengan Abraham dan kemudian melihat seseorang dari jauh, kamu tidak akan benar-benar mengenali siapa mereka. Tetapi ada cuma perkara-perkara yang pasti yang kamu kenali di dalam Neraka. Kamu memahami, seperti saya katakan, bahagian yang paling dalam, bagaimana jauhnya dan seterusnya.

Kemudian salah satu daripada setan menyambar saya, dan mengheret saya balik ke dalam bilik penjara dan memulakan semua seksaan ini sekali lagi, yang mana saya benar-benar benci bercakap tentangnya, kerana saya tidak mahu mengenang kembali seksaan tersebut. Mereka mula meremukkan tengkorak saya. Satu setan menyambar saya dan cuba meremukkan kepala saya. Saya sedang menjerit dan merayu belas kasihan, tetapi tiada belas kasihan! Kira-kira pada masa ini setiap setan menyambar satu lengan dan satu kaki dan hampir mengoyakkan kaki-kaki saya dan lengan-lengan saya. Saya berfikir, *“Saya tidak dapat menahan ini, Saya tidak dapat menahan ini!”*

### ***(Di sebelah Lubang)***

Dan dengan tiba-tiba, sesuatu menyambar saya dan menarik saya keluar dari bilik penjara ini. Saya tahu ia ialah Tuhan, tetapi ketika itu saya tidak mengetahui itu. Saya ada di sana sebagai orang yang belum diselamatkan, jadi saya tidak tahu perkara-perkara ini. Saya hanya pergi ke sana seolah-olah saya tidak pernah menerima Tuhan. Saya diletakkan di sebelah api yang saya sudah lihat. Saya sedang berdiri di tepi lubang itu. Saya berada di bawah sebuah gua besar, seperti sebuah gua yang sangat besar, dengan satu terowong menghala ke atas.

Di tepi api, saya boleh melihat melalui lidah-lidah api, hanya cukup untuk melihat tubuh-tubuh, orang di dalam api menjerit, menjerit untuk belas kasihan, membakar di dalam tempat ini! Dan saya tahu saya tidak mahu pergi ke dalam sana. Kesakitan yang saya tahan sudah cukup teruk, tetapi bahang dari lidah api saya tahu adalah lebih teruk. Orang ini merayu untuk keluar.

Ada makhluk-makhluk yang besar membarisi di sekeliling pinggir Lubang ini, dan sambil orang merangkak ke atas mencuba untuk keluar, mereka akan ditolak balik ke dalam api dan tidak dibenarkan keluar. Saya berfikir, *“Oh, tempat ini adalah sungguh dahsyat, sungguh dahsyat dan amat menggerunkan.”*

Semua ini sedang berlaku pada masa yang sama. Kamu haus, kamu lapar, dan kamu sangat letih. Kamu tidak dapat tidur juga di dalam Neraka. Kamu memerlukan tidur betul-betul seperti kamu lakukan sekarang. Tubuh kamu memerlukan tidur. Wahyu 14:11 berkata, *Dan api seksaan mereka naik selama-lamanya; dan mereka tiada rehat siang atau malam,...*

Kamu tidak akan dapat tidur. Kamu boleh bayangkan bagaimana itu, tidak akan dapat tidur.

Tentang air, di dalam Zefanya 9:11

*...Saya telah menghantar orang tahanan keluar dari lubang di mana tiada air.*

Langsung tiada air di dalam Neraka.

Saya tahu bahawa lokasi Neraka adalah di dalam pusat bumi. Itulah ia berada, di dalam pusat bumi. Saya memahami bahawa saya adalah kira-kira 3700 batu dalam di dalam bumi. Kita tahu bahawa diameter bumi adalah 8000 batu. Separuh jalan adalah kira-kira 4000. Saya berada kira-kira 3700 batu ke bawah. Di dalam Efesus 4:9 ia berkata bahawa Yesus turun ke dalam bahagian-bahagian bawah bumi.

Di dalam Bilangan 16:32 ia berkata,

*Dan bumi membuka mulutnya dan menelan mereka, dengan seisi keluarga dan semua lelaki bersama Korah, dengan semua barang mereka.*

Itulah di mana Neraka berada sekarang juga. Kemudian Neraka dan Kematian akan dibuang ke dalam Tasik Api dan kemudian dibuang ke dalam Kegelapan Luar. Itu adalah selepas Hari Penghakiman, tetapi sekarang juga ia adalah di dalam bumi.

### **(Setan-setan)**

Saya berada di tepi lubang api ini dan saya nampak semua setan ini berbaris di sepanjang dinding-dinding tersebut, makhluk-makhluk semua saiz dan bentuk daripada setiap jenis, cacat dan hodoh, kamu boleh bayangkan. Mereka adalah makhluk-makhluk yang bengkok, cacat, ada yang sangat besar dan ada yang kecil. Ada labah-labah raksaksa, labah-labah yang begini besar (5 kaki tinggi). Tikus-tikus, ular-ular dan cacing-cacing, kerana Alkitab bercakap tentang cacing-cacing yang meliputi kamu (Yesaya 14:11). Ada semua jenis makhluk-makhluk yang keji di merata-rata dan mereka seolah-olah dirantai ke dinding-dinding. Saya tertanya-tanya *“Kenapa semua benda ini dirantai ke dinding-dinding tersebut.”* Saya tidak memahami itu, tetapi ada satu ayat alkitab mengenai itu di dalam Yudas 6 yang berkata,

*“Dan malaikat-malaikat yang tidak mengekalkan kawasan sebenar mereka, tetapi meninggalkan tempat huni mereka, Dia telah menyimpan di dalam rantai-rantai abadi di bawah kegelapan untuk penghakiman hari besar;”*

Dan jadi barangkali itulah apa yang saya nampak, saya tidak tahu, tetapi itulah apa yang kelihatan. Saya gembira kerana saya tidak mahu mereka dapatkan saya. Mereka semua membencikan saya dengan satu keberangan! Itulah satu lagi perkara yang saya tidak faham, mereka bukan saja makhluk-makhluk, mereka mempunyai kebencian terhadap manusia. Jadi saya gembira mereka dirantaikan ke dinding-dinding.

Saya mula naik melalui lubang ini di dalam terowong ini, dan meninggalkan lidah-lidah api. Tidak lama lagi ia menjadi lebih gelap, tetapi saya boleh melihat semua setan ini di sepanjang dinding-dinding dan mereka mempunyai kuasa sedemikian yang menggerunkan. Saya berfikir, *“Siapa boleh melawan makhluk-makhluk ini. Tidak ada orang yang boleh melawan benda-benda ini.”* Tetapi lagi, bahawa ketakutan adalah sungguhlah sangat kuat, saya cuma tidak dapat pun tahan ketakutan ini.

### **(Tiada Harapan)**

Perkara yang teruk di dalam Neraka, perkara yang teruk, teruk daripada semua seksaan, adalah saya memahami bahawa, pertama sekali, bahawa ada kehidupan berterusan di atas sini di bumi. Dan bahawa orang di atas sini, kebanyakan daripada mereka, tiada idea bahawa dunia ini langsung wujud di bawah sini! Mereka tidak pun tahu ini adalah satu dunia nyata di bawah sini dan ada bilion-bilion orang menderita dan merayu untuk satu peluang, jika mereka mempunyai satu peluang untuk keluar. Tetapi mereka tidak akan dapat satu peluang untuk keluar, dan sangat marah dengan diri mereka sendiri kerana tidak mengambil peluang untuk menerima Yesus, bahawa mereka terkurung di sana selama-lamanya.

Inilah perkara teruk tentang Neraka, bahawa tiada sama sekali harapan untuk keluar. Saya memahami itu. Saya menggenggam keabadian. Saya boleh memahami keabadian. Di sini di bumi, kita tidak dapat agak, tidak dapat memegangnya. Tetapi di sana saya memahaminya. Saya tahu saya akan berada di sana selama-lamanya, dan tidak mempunyai harapan untuk keluar. Saya berfikir tentang isteri saya. Saya tidak dapat pergi ke isteri saya! Saya sentiasa memberitahunya bahawa jika kita terpisah oleh sebarang jenis gempa bumi atau sesuatu yang dahsyat, saya berkata, *“Saya akan mencari jalan kepada kamu. Saya akan mencari kamu. Saya akan mencari jalan kepada kamu jika kita terpisah.”* Tetapi di sini saya tidak dapat mencari jalan kepadanya. Saya tidak akan dapat melihatnya lagi. Dia tidak akan ada sebarang idea di mana saya berada, dan saya betul-betul tidak akan dapat bercakap kepadanya lagi. Fikiran itu betul-betul sama sekali mengganggu saya dengan dahsyat! Tidak dapat bercakap dengannya, pergi kepadanya, dan untuk dia tidak tahu di mana saya berada, dan tiada harapan untuk keluar! Kamu faham, kamu tidak akan dapat keluar dari sini, selamanya! Lihat di bumi, sentiasa ada harapan. Bahkan orang di kem-kem tahanan perang mempunyai satu harapan untuk keluar, atau mati sekurang-kurangnya, untuk keluar darinya. Tetapi kita tidak pernah mengalami satu situasi yang tiada harapan sepenuhnya. Di dalam Yesaya 38:18 ia berkata, *“Mereka yang turun ke dalam lubang tidak akan berharap untuk kebenaran Engkau.”*

Tiada harapan, dan kebenaran adalah Yesus. Dia adalah kebenaran.

### ***(Yesus muncul)***

Kira-kira pada masa ini, saya sedang naik ke atas melalui terowong ini, dan saya betul-betul di dalam ketakutan sepenuhnya, hilang tanpa harapan, dan takut pada setan-setan ini. Dengan tiba-tiba, betul-betul dengan tiba-tiba, Yesus muncul! *“Puji Engkau Yesus”*, Yesus muncul. Cahaya yang terang ini menerangi tempat tersebut. Saya hanya nampak garis bentukNya, garis bentuk seorang lelaki. Saya tidak dapat melihat mukaNya, it sungguh terang. Saya hanya melihat ke dalam cahaya ini dan nampak garis bentukNya. Dan saya hanya jatuh di atas lutut-lutut saya dan rebah. Saya tidak dapat berbuat apa-apa kecuali menyembahNya. Saya sungguh berterima kasih. Satu saat yang lalu saya hilang selama-lamanya, dan sekarang secara tiba-tiba saya keluar dari tempat ini, kerana saya sudah mengenali Yesus. Orang itu tidak dapat keluar, tetapi saya boleh kerana saya sudah diselamatkan. Saya tahu dan memahami bahawa tiada jalan lain keluar dari tempat ini, hanya melalui Yesus. Dialah satu-satunya jalan yang menghalang daripada masuk ke tempat ini.

Di dalam Wahyu 1:6, ia berkata Yohanes, apabila dia pergi ke syurga, dia nampak Yesus, bahawa air mukaNya adalah seperti matahari bersinar di dalam kekuatannya. Dan apabila dia nampakNya, dia jatuh di kakiNya seperti seorang mati. Itulah betul-betul bagaimana saya lakukan. Saya jatuh di kakiNya seperti seorang mati. Sekarang kamu akan berfikir bahawa saya ada sejuta soalan untuk ditunjukkan kepadanya, tetapi apabila kamu ada di sana, apa yang kamu boleh buat ialah menyembahNya dan memuji Nama KudusNya, dan mengucapkan terima kasih kepadanya untuk apa yang Dia selamatkan kami dari.

Apabila saya menjadi tenang, sekurang-kurangnya cukup untuk memulakan pembentukan fikiran-fikiran, saya berfikir tentang berkata kepada Tuhan, saya tidak pun fikir yang saya menanyakannya secara kuat, saya hanya memikirkannya dan Dia menjawab saya. Saya berkata, *“Tuhan kenapa Kamu menghantar saya ke tempat ini? Kenapa kamu hantar saya ke sini?”* Dia berfirman kepada saya. *“Kerana orang tidak percaya bahawa tempat ini*

*wujud.”* Dia berfirman, **“Bahkan ada beberapa umat Saya tidak percaya tempat ini adalah nyata.”** Saya terperanjat dengan kenyataan ini. Saya fikir setiap orang Kristian haruslah percaya di dalam Neraka. Tetapi bukan setiap orang percaya dalam Neraka sebenar yang membakar. Saya berkata, **“Tuhan, kenapa kamu memilih saya?”** Tetapi Dia tidak menjawab saya berkenaan dengan soalan itu.

Saya tidak ada idea kenapa Dia memilih saya untuk pergi ke sana. Saya adalah yang paling tidak mungkin sekali pergi ke tempat ini. Isteri saya dan saya membencikan wayang jahat. Kami membencikan apa-apa yang tidak baik. Saya tidak pun suka masa musim panas, lebih-lebih lagi bahang. Ia adalah kotor. Tiada ketenteraman. Ia adalah semua huru-hara dan kekacauan dan menimbulkan rasa meluat. Dan saya mengasihi semuanya yang teratur/tenteram dan cemerlang. Dia tidak menjawab saya tentang soalan itu. Dia berfirman kepada saya, **“Pergi beritahu mereka yang Saya bencikan tempat ini, bahawa ia bukan keinginan Saya untuk salah seorang daripada ciptaan Saya pergi ke tempat ini, seorang pun tidak! Saya tidak pernah mencipta ini untuk manusia. Ini dicipta untuk syaitan dan malaikat-malaikatnya. Kamu haruslah pergi dan memberitahu mereka! Saya telah memberikan kamu satu mulut, kamu pergi dan beritahu mereka.”**

Saya berfikir kepada diri saya sendiri, **“tetapi Tuhan, mereka tidak akan percayakan saya. Mereka akan berfikir yang saya gila atau mengalami satu mimpi yang buruk.”** Saya maksudkan tidakkah kamu akan berfikir itu? Sambil saya memikirkan ini, Tuhan menjawab saya dan Dia berfirman, **“Ia bukan kerja kamu untuk menyakinkan mereka. Itu adalah kerja Roh Kudus! Kamu hanya pergi dan memberitahu mereka!”** Dan ia adalah hanyalah di dalam, **“Ya Tuan!” Sama sekali, saya haruslah pergi dan beritahu mereka.”** Kamu tidak boleh risau dan takut apa manusia akan berfikir tentang kamu, kamu hanya perlu pergi dan lakukannya dan biarkan Allah melakukan yang lain. Amin? Dan saya berkata, **“Tuhan, kenapa mereka membencikan saya dengan begitu banyak?” “Kenapa makhluk-makhluk ini membencikan saya?”** Dia berfirman, **“Kerana kamu dicipta di dalam imej saya, dan mereka membencikan Saya.”** Kamu tahu syaitan tidak dapat berbuat apa-apa terhadap Allah. Dia tidak dapat mencederakan Allah, tetapi dia boleh mencederakan ciptaanNya. Itulah sebabnya syaitan membencikan manusia, dan menipunya untuk membawanya ke dalam Neraka. Dan dia mengenakan penyakit ke atasnya, apa-apa saja dia boleh buat untuk mencederakan ciptaan Allah.

### **(Kedamaian Allah)**

Dan kemudian Allah membanjiri saya dengan fikiran-fikiranNya. Dia membiarkan saya menyentuh sekeping hatiNya, betapa banyaknya Dia mengasihi manusia. Sukar dipercayai, saya tidak dapat pun menerimanya. Ia adalah terlampau besar untuk ditanggung. Kasih yang Dia ada untuk manusia, kamu tidak dapat menahannya di dalam tubuh ini. Kamu tahu betapa banyaknya kita mengasihi isteri-isteri kita dan anak-anak kita? Baiklah, kasih yang kita ada langsung tidak boleh dibandingkan dengan kasih Allah yang Dia ada untuk kita. KasihNya tidak terbatas lebih besar daripada kasih kita dan keupayaan kita untuk mengasihi. Ia adalah betul-betul sama seperti ia berkata di dalam Efesus 3:19, **“...untuk mengenali kasih Kristus yang melebihi pengetahuan...”** Ia terus sungguh jauh melebihi pengetahuan, kamu langsung tidak dapat memahaminya. Saya tidak dapat percaya betapa banyaknya Dia mengasihi manusia, bahawa Dia akan mati untuk hanya seorang supaya dia tidak pergi ke tempat ini. Dan ia melukaiNya begitu banyak untuk melihat seorang ciptaanNya pergi ke tempat ini. Ia

menyakitkan Tuhan, Dia menangis melihat seorang pergi. Dan saya merasai sungguh tidak bagus untuk Tuhan.

Saya merasai hatiNya, Dia membiarkan saya hanya menyentuh sekeping hatiNya. Dia merasakan kesedihan sedemikian untuk ciptaanNya pergi ke sana. Dan saya berfikir, *“Saya mesti keluar dan bersaksi dan mengambil setiap nafas akhir yang saya ada dan pergi memberitahu dunia tentang Yesus, Betapa baiknya Dia.”* Saya maksudkan, kita memiliki berita baik tersebut. Ia adalah berita baik. Ia adalah berita baik, dan dunia tidak tahu. Mereka haruslah diberitahu! Kamu tahu, kita haruslah menceritakan pengetahuan ini. Orang hanya kekurangan pengetahuan di dalam bahagian ini. Allah mahukan kita menceritakan dengan mereka betapa baiknya Dia, dan bagaimana Dia membencikan tempat ini.

Dia berfirman kepada saya juga, *“Beritahulah mereka bahawa saya akan datang betul-betul, betul-betul tidak lama lagi.”* Dan Dia mengatakannya lagi, *“Beritahulah mereka bahawa saya akan datang betul-betul, betul-betul tidak lama lagi.”* Sekarang saya berfikir, kenapa saya tidak berkata kepadaNya, *“Apa yang kamu maksudkan, Tuhan? Apa itu ‘tidak lama lagi’ kepada kamu?”* Itulah bagaimana kami berfikir. Tetapi saya tidak bertanya. Kamu juga tidak akan berfikir untuk menanyakan perkara-perkara itu ketika itu. Kamu hanya mahu menyembahnya begitu banyak. Kedamaian Allah yang datang ke atas kamu kerana berdiri di sebelahNya adalah tidak dapat dijelaskan. Saya pernah di perhimpunan-perhimpunan yang diurapi (“anointed”), tetapi tidak bandingan dengan kasih dan kedamaian Allah yang kamu rasai di sebelahNya.

Dan kemudian saya melihat ke atas, dan saya nampak setan-setan itu di atas dinding, yang sungguh ganas, mereka kelihatan seperti semut-semut di atas dinding! Mereka hanya kelihatan seperti semut-semut! Mereka masih besar, tetapi dengan kuasa Allah di sebelah kamu, semua kuasa daya cipta Allah, mereka kelihatan seperti semut-semut di atas dinding. Saya tidak dapat mengatasinya (“I couldn’t get over it). Saya berfikir, *“Tuhan, mereka hanya semut-semut!”* Dan Dia berfirman, *“Kamu hanya perlu mengikat mereka dan mengusirkan mereka keluar di dalam nama Saya.”* Saya berfikir, *“Wow, kuasa yang Dia berikan kepada gereja.”* Benda-benda ini yang begitu ganas, kita bukan lawan untuk seorang syaitan tanpa Yesus, sama sekali tidak. Mereka adalah ganas, tetapi dengan Dia, mereka adalah tiada apa-apa! Satu keberanian bangkit di dalam saya ketika itu juga, apabila saya nampak makhluk-makhluk ini, saya rasa seperti berkata, *“kamu makhluk-makhluk adalah yang menyiksa saya, mahu mengoyakkan saya? Marilah! Marilah sekarang!”* Mungkin sedikit daging saya bangkit atau sesuatu, kamu tahu, saya berfikir, *“Yesus ajarkan mereka.”*

### **(Meninggalkan Neraka)**

Sambil kami pergi, kami naik ke atas permukaan bumi. Kami pergi ke atas, kerana kami masih ada di dalam satu terowong. Tidak lama lagi saya tidak dapat melihatnya lagi, tetapi ia seperti satu angin puting beliung, satu angin puting beliung raksaksa yang kami berada di dalam. Kami terus naik ke atas. Kami perlu naik ke atas, untuk keluar darinya nampaknya. Apabila kami sampai ke atasnya, saya melihat ke bawah ke bumi dan ia kira-kira ketinggian ini. Lengkungan bumi adalah seperti itu. Ia adalah menakjubkan untuk melihat balik ke bumi! Saya tahu Allah membenarkan itu untuk saya. Dia boleh meninggalkan terowong itu dengan apa sahaja cara yang Dia mahukan. Dia mengetahui di dalam hati saya, sebagai seorang budak saya sentiasa mahu melihat bumi kelihatan seperti apa dari ruang angkasa. Mungkin

saya menonton terlalu banyak Star Trek atau sesuatu, kamu tahu? Saya hanya fikir ia betul-betul bagus untuk melihat bumi, dan melihatnya bergantung di ruang kosong. Seperti Alkitab berkata. Ia berkata di dalam Ayub 26:7,

*Dia membentangkan utara ke atas ruang kosong; Dia menggantungkan bumi di atas ruang kosong.*

Sambil kamu melihat, kamu berfikir, *“Apakah yang memegang benda ini? Apakah yang membuatnya berpusing begitu sempurna?”* Allah adalah di dalam kawalan demikian. Kuasa Allah membanjiri saya, bahawa Dia ada, ia adalah sangat mengagumkan. Dia memiliki begitu banyak kuasa. Setiap satu perkara adalah di dalam kawalanNya. Tiada seekor burung jatuh ke tanah yang Dia tidak tahu mengenainya. Saya dibanjiri dengan fikiran-fikiran ini. Allah mempunyai kuasa yang begitu banyak. Ia menjadikan saya rasa seperti ditenggelami. Ada ayat alkitab di dalam Yesaya 40:22 yang mengatakan Tuhan duduk di atas bulatan bumi. Di sanalah saya berada di atas bulatan bumi. Saya pun berfikir, *“Tuhan, bagaimana sebelum Christopher Columbus mereka dapat membaca ayat alkitab itu dan mengetahui bumi adalah bulat.?”* Kamu tahu? Orang tertanya-tanya, mereka memikirkannya adalah datar?

Walau bagaimanapun, apabila kami turun balik ke bawah kami melalui perisai-perisai tersebut; Saya tahu kami melalui perisai haba yang ada di sekeliling bumi. Saya cuma tahunya. Saya pun memikirkan fikiran bodoh, di sini saya bersama Allah, dan saya berfikir, *“Saya tertanya-tanya bagaimana Dia akan melalui perisai itu?”* Kami tahu bagaimana di dalam ruang angkasa mereka telah menembusnya tepat pada sudut sempurna tersebut. Kami melaluinya tanpa masalah apa pun. Tidak mengejutkan! Saya yakin mata Tuhan mesti terbeliak dan berkata *“Saya boleh menguruskan itu.”* Ada satu ayat Alkitab di dalam Mazmur 47:9 yang berkata, *...Kerana perisai-perisai bumi dimiliki oleh Allah...*

Dia mengawal segala-galanya, segala-galanya. Saya hanya tidak mahukan Dia pergi. Saya hanya mahu berada di dalam kehadiranNya. Kami tiba dengan cepat ke California. Betul-betul datang dengan sangat laju, kami bergerak begitu cepat, dan sampai ke rumah kami. Dan saya melihat dan saya boleh melihat terus melalui bumbung rumah kami. Dan saya boleh melihat diri saya berbaring di atas lantai. Ini benar-benar menyedari saya dengan kuat, terus di sini kerana saya nampak tubuh saya berbaring di sana dan saya berfikir, *“Itu bukan saya, saya di sini, inilah saya!”* Kamu tahu, kamu tidak pernah nampak dua diri sendiri. Di sini saya berbaring di sana dan saya berfikir, *“Itu bukan benar-benar saya.”* Dan ayat alkitab itu yang Paulus berkata, kita hanyalah di dalam satu khemah (2 Korintus 5:1), itu tiba-tiba menyedari saya begitu kuat. Saya berfikir, *“itu hanyalah sebuah khemah, itu tiada apa-apa. Itu adalah sementara. Inilah saya yang sebenarnya.”* Inilah apa dimaksudkan keabadian. Kehidupan itu yang kita risaukan tentang, ia juga tiba-tiba menyedari saya bahawa kita adalah satu wap, bahawa hidup hanyalah satu wap seperti di dalam Yakobus 4:14 ia bercakap tentang dan betapa pendeknya hidup ini. Ia adalah pendek. Seratus tahun jika kamu hidup, ia adalah tiada apa-apa! Ia pergi seperti satu wap. Dan saya berfikir, *“Kita haruslah hidup untuk Allah.”* Apa yang kita buat sekarang, di sini, dihitungkan untuk keabadian. Kita haruslah bersaksi. Kita haruslah pergi keluar ke sana dan selamatkan yang hilang. Kita tidak boleh risaukan tentang semua perkara remeh-temeh yang kita semua begitu diikat dan bergantung pada. Kita perlu benar-benar pergi keluar ke sana dan mengkhabarkan injil dan berita baik, kerana ini akan berakhir dengan sangat cepat.

Tetapi saya nampak tubuh saya terbaring di sana dan saya berfikir ia hanyalah seperti kamu keluar dari kereta kamu dan melihat balik pada kereta kamu. Itu bukan kamu, itu adalah kereta kamu. Ia hanyalah membawa kamu sekeliling. Itulah bagaimana ia kelihatan pada saya. Ia hanyalah membawa saya sekeliling di sini di bumi, tetapi inilah saya yang sebenarnya. Dan saya berfikir, *“Tuhan, jangan pergi, jangan pergi”*. Saya hanya mahu tinggal bersama Engkau untuk sebentar. Tetapi Dia pergi. Saya tiba di tubuh saya, dan sesuatu menarik saya balik ke dalam tubuh saya, seperti saya dihisap balik ke dalam hidung saya atau mulut saya.

Pada masa itu, apabila Dia pergi, itulah apabila semua ketakutan, seksaan dan kesengsaraan kembali ke dalam fikiran saya! Kerana ia berkata di dalam Alkitab (1 Yohanes 4:18), *“Kasih sempurna menyingkirkan ketakutan.”* Jadi saya berada di sebelah kasih sempurna sepanjang masa itu, jadi itu meninggalkan saya, dan apabila Dia pergi, secara tiba-tiba, semua ketakutan dan kengerian-kengerian Neraka masuk ke dalam fikiran saya. Saya tidak dapat menahannya, saya tidak dapat menahannya! Saya sedang menjerit. Saya di dalam seksaan. Saya tidak dapat hidup bersamanya. Saya tahu bahawa tubuh ini tidak berupaya menahan jenis ketakutan itu. Kamu tidak dapat bertahan di bawah tekanan yang sebegitu. Tubuh kamu tidak cukup kuat. Jadi itulah apabila saya berdoa dan saya dapat berdoa, *“Keluarkanlah dari fikiran saya!”*

Di dalam alam semula jadi, kamu pasti terpaksa melalui semua jenis kaunseling untuk melalui jenis trauma ini, tetapi Allah mengambilnya keluar, serta-merta mengambilnya keluar, trauma tersebut. Dia tinggalkan memori tersebut, tetapi mengambil keluar trauma dan ketakutan. Saya sungguh berterima kasih.

Walau bagaimanapun, selepas ini, begitu banyak perkara berlaku, saya berhasrat kita ada masa untuk melalui semua yang Allah telah sahkan akan berlaku kepada saya.

Jika ada seseorang di sini malam ini, yang tidak mengenal Tuhan; kamu harus tanyakan diri sendiri satu soalan. Kamu harus berkata, *“Adakah saya percayakan orang ini, bahawa apa mereka nampak adalah nyata, semua orang ini dan saya sendiri?”* Tetapi lebih penting lagi, apa Firman Allah katakan tentang Neraka. Adakah kamu mahu mengambil kemungkinan itu dan berkata, *“Tidak, saya tidak mempercayainya, saya tidak percaya bahawa ia adalah nyata.”* Kamu haruslah membuang keluar semua Firman Allah, dan semua kita yang cuba memberitahu kamu. Adakah kamu sanggup mengambil kemungkinan itu dengan seluruh keabadian kamu? Itu pasti seolah-olah agak kurang bijak bagi saya. Kamu tidak dapat membiarkan syaitan menipu kamu. Makhhluk besar itu di hujung sana, itu yang sedang ketawa. *(ditunjukkan di dalam video)* Itulah bagaimana syaitan pasti akan buat apabila kamu pergi ke Neraka. Dia akan ketawa, kerana kamu ada satu peluang untuk menerima Tuhan dan kamu terlepaskannya. Tetapi sebaik sahaja kamu berada di sana, tiada patah balik. Sama sekali tiada patah balik. Kamu akan di sana hilang selama-lamanya.

Kamu mungkin berkata kepada diri sendiri. *“Saya agak baik. Saya seorang yang agak baik. Saya tidak berhak mendapatkan tempat itu.”* Dan kamu mungkin agak baik, jika dibandingkan dengan kebanyakan orang. Tetapi itu bukan apa yang kamu perlu bandingkan diri sendiri dengan. Kita perlu membandingkan diri sendiri dengan standard Allah. Standardnya adalah sungguh lebih tinggi daripada kita punya. Dia berkata di dalam Firman bahawa jika kamu berbohong sekali, hanya sekali di dalam seluruh hidup kamu, itu menjadikan kamu seorang pembohong. Jika kamu telah mencuri satu benda di dalam hidup kamu, satu klip kertas,

beberapa minit masa bos kamu, apa-apa saja, hanya sekali. Itu menjadikan kamu seorang pencuri. Jika kamu marah tanpa sebab, jika kamu tidak memaafkan seseorang yang melakukan sesuatu yang salah terhadap kamu, jika kamu memberahikan seorang perempuan, apa sahaja perkara-perkara ini, jika kamu hanya melakukannya sekali, itu menjadikan kamu seorang berdosa, dan kamu tidak akan dapat pergi ke syurga. Jadi kamu nampak kita semua tidak mencapai ("come short"). Kita semua tidak mencapai ("come short") dan tidak dapat ke sana dengan kerja-kerja kita sendiri. Titus 3:5 berkata,

*Bukan dengan kerja-kerja keadilbenaran ("righteousness") yang telah kita lakukan tetapi menurut belas kasihannya Dia menyelamatkan kita...*

Amin, jadi ia bergantung kepada bagaimana kamu bandingkan. Ia seperti seorang perempuan yang nampak sekawan kambing biri-biri di atas satu bukit, dan mereka semua sungguh putih dan cantik di bukit ini. Dia berkata, "*Lihatlah kambing biri-biri itu, lihatlah bagaimana cantiknya rupa mereka, sungguh putih.*" Dia pergi ke katil dan semalaman ia bersalji. Dia melihat ke atas pada esok pagi dan nampak kambing biri-biri tersebut dan mereka semua kelihatan suram, kotor dan kelabu dibandingkan dengan salji putih. Jadi kita perlu membandingkan diri kita dengan Allah. Standardnya adalah jauh lebih tinggi daripada kita punya. Jadi kita mesti memerlukan seorang Penyelamat. Kita tidak dapat ke sana dengan kita sendiri. Allah menjadikannya satu hadiah yang percuma. Dia berfirman di dalam Yohanes 14:6, "*Sayalah jalan, kebenaran dan hidup. Tiada manusia datang kepada Bapa kecuali melalui Saya.*" Dia adalah satu-satunya jalan keluar dari tempat ini.

Jadi jika ada sesiapa di sini yang tidak mengenali Tuhan, sesesiapa di sini yang benar-benar tidak pernah meminta Yesus menjadi Tuhan dan Penyelamat hidup kamu. Kamu tidak pernah benar-benar tiba di kedudukan di mana kamu benar-benar menyuarakannya keluar dari mulut kamu sendiri dan memintanya datang ke dalam hidup kamu, bolehkah kamu berdiri? Jika ada sesiapa di sini, bolehkah kamu berdiri sekarang, untuk Yesus? Jangan biarkan syaitan, makhluk itu ketawa pada kamu. Berdiri sekarang, apabila kamu ada peluang, kerana kamu tidak tahu berapa banyak masa kita ada. Kamu tidak tahu bahawa kamu mungkin mati besok, dan berakhir di dalam tempat itu.

Biar saya beritahu kamu, tempat itu, hanya bahang saja pasti dahsyat ditahan. Orang itu yang kita nampak melompat keluar dari menara-menara New York. Mereka memegang tangan dan melompat. Betapa dahsyatnya itu. Kamu tahu jika kamu pernah naik ke tempat tinggi dan melihat ke bawah, melompat pasti tidak difikirkan. Tetapi mereka terpaksa menghadapi bahang itu. Dan itu hanya untuk kira-kira 5 saat, ia akan membakar mereka dan itu adalah kira-kira 2000 darjah. Saintis-saintis berkata di dalam pusat bumi adalah kira-kira 12,000 darjah. Jadi kamu terpaksa menahan itu untuk keabadian. Jika kamu sanggup melalui itu, itu pasti amat kurang bijak. Sekarang tiba masanya...

### ***(Juruhebah bercakap)***

Alkitab adalah sangat jelas, kita semua adalah orang berdosa, dan sesiapa pun yang akan memanggil nama Tuhan akan diselamatkan. Yesus berfirman jika kamu akan mengakuinya di depan manusia, di khalayak ramai, selepas itu Saya akan mengakui nama kamu di depan Bapa surgawi Saya dan malaikat-malaikat Kudus. Tetapi jika kamu menafikan Saya di depan manusia, Saya akan menafikan kamu di depan Bapa Saya. Saya mahu meminta kamu berbuat sesuatu. Jika kamu tidak pernah secara terbuka, di depan orang lain, jika kamu tidak pernah

secara terbuka mengumumkan Yesus Kristus sebagai Penyelamat kamu, dan menjadikanNya Tuhan hidup kamu, atau jika kamu tidak pasti sama ada syurga adalah rumah abadi kamu, ingatlah Yesus bergantung tidak berpakaian di satu salib, di satu pasar, dia tergantung di sana untuk kamu, Dia menanggung keaiban kamu.

Jika kamu akan berdoa dari bahagian paling dalam hati kamu, Allah akan menyelamatkan jiwa kamu, dan Dia akan memberikan kamu satu peluang tidak lama lagi di masa depan untuk kamu menjadikannya diketahui umum. Berdoalah bersama kami, terutamanya mereka yang ada di dalam jemaah dan tahu kamu harus. *“Allah Saya percaya di dalam Engkau. Engkaulah Pencipta saya. Saya adalah seorang berdosa. Saya berdosa di banyak perkara, dengan sengaja, dan tidak disengajakan. Saya telah tidak mencapai (“fallen short”). Saya terlepas tanda tersebut (“missed the mark”). Saya dikotorkan dengan dosa. Yesus, saya percaya di dalam Engkau. Engkaulah Anak Allah yang abadi. Engkaulah Anak Domba Allah, yang menghapuskan dosa dunia, yang menghapuskan dosa saya. Saya percaya Engkau mati di atas satu salib, menumpahkan darah Engkau yang tidak berdosa untuk jiwa saya yang bersalah. Saya percaya Engkau telah dikuburkan dan pada hari ketiga Engkau bangkit. Kamu hidup selama-lamanya. Saya memanggil Engkau Tuhan saya. Saya memanggil Engkau Penyelamat saya. Saya menyerahkan hidup saya kepada Engkau. Saya akan mengasihi Engkau, melayan Engkau untuk baki hidup saya. Saya kepunyaan Engkau, bahagian-bahagian yang baik, bahagian-bahagian yang buruk, bahagian-bahagian yang berdosa, semua rancangan saya, semua mimpi saya, saya serahkan segala-galanya kepada Engkau. Semoga kehendak Engkau terlaksana di dalam saya. Saya percaya saya telah diselamatkan. Bukan dengan kerja-kerja baik, tetapi dengan iman, dengan mempercayai di dalam Engkau. Di dalam Yesus saya berdoa. Amin.”*

-----**TEPUKAN PANJANG, KUAT**-----

Gerak balas itu adalah betul-betul wajar. Alkitab berkata syurga mempunyai tiada keriang yang lebih besar daripada apabila seorang berdosa bertaubat. Dan kita hanya tahu contoh yang tidak seberapa tentang apa yang berlaku di dalam syurga apabila ia menyaksikan apa yang kamu telah lakukan hari ini. Saya mahu memberi perhatian kepada kamu yang lain, dan kemudian saya akan keluar dari ini. Saya mahu membuat satu panggilan mazbah untuk mereka yang menyaksikan ini. Kita betul-betul sangat beruntung untuk mendengar saudara Bill memberitahu apa yang dia alami. Saya akan mengeluarkan satu cabaran kepada kamu dan saya betul-betul akan memberi amaran kepada kamu, janganlah terima ini kecuali kamu bersedia untuk beberapa aktiviti Roh di dalam hidup-hidup kamu. Saya tidak cuba sambil lewa, saya hanya mengatakan janganlah menjadikan ini pengakuan kamu kecuali kamu benar-benar maksudkannya, dan inilah apa ia. Ia ada dua bahagian. Satu, saya akan tidak lagi takut muka manusia. Penghalang tunggal yang paling besar kepada kami berlakon seperti kamu benar-benar tahu ada satu Syurga dan ada satu Neraka. Saya tidak akan lagi takut muka manusia. Dua, saya akan bercakap kepada setiap orang yang saya kenali, untuk baki hidup saya tentang Yesus, dan Syurga, dan Neraka. Itu adalah satu komitmen yang sangat besar. Setiap orang yang saya kenali yang mencapai kepada orang untuk Kristus tiba di dua perkara komitmen ini. Kenapa lagi ada satu hubungan dengan sesiapa, jika bukan untuk berkongsi bersama mereka berita baik yang gemilang yang menyelamatkan jiwa mereka dari Neraka. Ia adalah satu perbuatan jenayah di dalam Roh untuk mengenali seseorang, berbual dengan mereka, menghiburkan diri sendiri dengan mereka, menikmati kehadiran mereka, dan tidak pernah memberitahu mereka bahawa, tanpa Kristus, mereka akan pergi ke Neraka. Setiap hubungan adalah menjadi satu ambang pintu untuk menyampaikan kebenaran yang kamu

telah saksikan hari ini. Itu adalah masuk akal. Jika kamu tidak bersedia untuk untuk melakukan itu, saya faham. Jika kamu bersedia untuk membuat dua komitmen itu, jika kamu bersetuju, bercakap ini kepada Allah, *“Allah saya percaya di dalam Engkau. Saya percaya di dalam Yesus Anak Engkau, Roh Kudus Engkau yang sangat disayangi. Saya menerima cabaran waktu tersebut. Saya mengesahkan diri sendiri, inilah pengakuan saya. Saya tidak akan lagi takut muka manusia. Saya tidak akan risau diri saya dengan pendapat manusia. Reputasi saya adalah tidak penting. Saya bencikan takut pada manusia. Saya akan beritahu setiap orang yang saya kenali untuk baki hidup saya tentang Engkau Tuhan Yesus. Tentang Syurga dan satu tempat dipanggil Neraka. Saya melangkah merentasi garisan ini. Saya tidak akan lagi tidak ambil peduli, asyik membuat sesuatu, tidak mengambil berat. Saya menerima firman Engkau. Saya tidak akan takut, dan saya akan bercakap. Inilah pengakuan saya kepada Allah Maha Kuasa.”*

Bangkitkanlah tentera Engkau Allah, di seluruh kota ini, negara, dan dunia, satu umat yang dengan betul nampak masa-masa yang mana mereka tinggal di dalam. Satu umat yang telah sampai memahami keabadian adalah seterusnya sedetik jauhnya, melihat dengan kejelasan ke dalam kemuliaan Syurga dan kengerian-kengerian Neraka, dan mengaturkan keutamaan-keutamaan mereka untuk mematuhi Allah. Sekarang, kami meminta kasih karunia/rahmat. Mereka telah melakukan satu pengakuan yang berani, Allah. Tanpa kasih karunia/rahmat Engkau, ia tidak akan berlaku. Kami percayakan kasih karunia/rahmat Engkau adalah cukup untuk melakukan apa firman Allah memberitahu kami untuk lakukan. Kasih Karunia, Kasih Karunia, Kasih Karunia ke atas umat Engkau di sini, di dalam nama YESUS.

Belilah kesaksiannya yang lengkap “23 minit di dalam Neraka” di Amazon.com